



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 73**

**2hb Julai 2020**

**No. 14**

---

---

ENAKMEN RIZAB MELAYU

[N.M.B Bab 142]

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

[F.M.S Cap. 142]

**No. 1217.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seluas 7.000 ekar, 6.675 ekar dan 6.462 ekar yang masing-masing dikenali sebagai Lot 1191, Lot 1302 dan Lot 1304, Mukim Penor, Daerah Kuantan yang ditandakan dengan garisan tepi berwarna merah di atas Pelan Ukur No. 22174 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Penor.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang with approval by the Ruler in Council declares the lands measuring an area of 7.000 acres, 6.675 acres and 6.462 acres respectively known as Lot 1191, Lot 1302 and Lot 1304, Mukim of Penor, District of Kuantan as delineated shown edges in red upon Survey Plan No. 22174 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Penor Malay Reservation.

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/106-249]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1218.**

## PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

## DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang, dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seluas 3.751 ekar yang dikenali sebagai Lot 1695, Mukim Penor, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 23359 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Penor.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang, with the approval of the Ruler in Council declares the land measuring an area of 3.751 acres known as Lot 1695, Mukim of Penor, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 23359 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Penor Malay Reservation.

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/106-251]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1219.**

## PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

## DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah sejumlah 2.5631 hektar, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan dengan garisan tepi berwarna merah di atas Pelan Ukur No. P.A. 278764 seperti Nombor Lot dalam ruang (1) Jadual, ukuran luas dalam ruang (2) Jadual dan ditandakan dengan garisan tepi berwarna merah yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu di Belakang Batu 10.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang with approval by the Ruler in Council declares the land a total of 2.5631 hectares, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated and shown edges in red upon survey plan No. P.A. 278764 prescribed as Lot Number in column (1) of the Schedule, measurement of an areas in column (2) of the Schedule deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Malay Reservation and to be known as di Belakang Batu 10 Malay Reservation.

JADUAL

| Ruang/ <i>Column</i><br>(1) | Ruang/ <i>Column</i><br>(2) |
|-----------------------------|-----------------------------|
| No. Lot/ <i>Lot No.</i>     | Hektar/ <i>Hectare</i>      |
| 160559                      | 0.8543                      |
| 160560                      | 0.8545                      |
| 160561                      | 0.8543                      |

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/106-252]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1220.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan bahawa tanah sejumlah 54,635 meter persegi, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan seperti Nombor Lot dalam ruang (1) Jadual, ukuran luas dalam ruang (2) Jadual dan ditandakan dengan garisan tepi berwarna merah di atas Nombor Pelan Ukur No. P.A. 120593 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Cherating menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 7099 pada 9 November 1928, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang with approval by the Ruler in Council declares that the land measuring a total of 54,635 square metres, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, prescribed as Lot Number in column (1) of the Schedule, measurement of an areas in column (2) of the Schedule and delineated shown edges in red upon Survey Plan Number P.A. 120593, deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of the Cherating Malay Reservation *vide* the Pahang States Government *Gazette* No. 7099 on 9 November 1928, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

JADUAL

| Ruang/ <i>Column</i><br>(1) | Ruang/ <i>Column</i><br>(2)         |
|-----------------------------|-------------------------------------|
| No. Lot/ <i>Lot No.</i>     | Meter persegi/ <i>Square Metres</i> |
| 15114                       | 20,240                              |
| 15115                       | 8,095                               |

| Ruang/ <i>Column</i>    | Ruang/ <i>Column</i>                |
|-------------------------|-------------------------------------|
| (1)                     | (2)                                 |
| No. Lot/ <i>Lot No.</i> | Meter persegi/ <i>Square Metres</i> |
| 15116                   | 8,094                               |
| 15117                   | 18,206                              |

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/106-249]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1221.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seluas 4.237 ekar yang dikenali sebagai Lot 1255, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. 20259 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Balok menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 7094 yang disiarkan pada 9 November 1928, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang with approval by the Ruler in Council declares the land measuring an area of 4.237 acres known as Lot 1255, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. 20259 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Balok Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 7094 published on the 9 November 1928, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/106-252]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1222.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang, dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seluas 0.6769 hektar yang dikenali sebagai

Lot 120165, Mukim Penor, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 260074 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Penor menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 7095 yang disiarkan pada 9 November 1928, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang, with the approval of the Ruler in Council declares the land measuring an area of 0.6769 hectare known as Lot 120165, Mukim of Penor, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 260074 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Penor Malay Reservation vide the Federated Malay States Government *Gazette* No. 7095 published on the 9 November 1928, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/106-251]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 1223.**

[Subseksyen 11(*ca*)]

PENGISYTIHARAN KAWASAN MUKIM

[Subsection 11(*ca*)]

DECLARATION AN AREA OF MUKIM

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 2495 yang disiarkan pada 21 November 2019,—

- (a) gantikan perkataan “P.W. 5389” dengan perkataan “P.W. 5430”; dan
- (b) gantikan perkataan “26,694” dengan perkataan “26,853”.

In *Gazette* Notification No. 2499 published on 21 November 2019,—

- (a) substitute for the words “P.W. 5389” the words “P.W. 5430”; and
- (b) substitute for the words “26,694” the words “26,853”.

[PTL.SER(1) 01/2019]

**No. 1224.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 7,902 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 22516, Mukim Hulu Lepar, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 270135, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Kawasan Lapang, di Perumahan Gambang Damai (Jalan Gambang Damai 1), di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggara oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has reserved a land measuring an area of 7,902 square metres, known as Lot 22516, Mukim of Hulu Lepar, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 270135, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose to wit a site for an Open Area, at Perumahan Gambang Damai (Jalan Gambang Damai 1), to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/469 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1225.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1,502 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 36083, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 71938, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Kawasan Lapang, di Perumahan Pandan Perdana (Lorong Pandan Perdana 1/21), di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggara oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has reserved a land measuring an area of 1,502 square metres, known as Lot 36083, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 71938, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose to wit a site for the Open Area, at Perumahan Pandan Perdana (Lorong Pandan Perdana 1/21), to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Kuantan Municipal Council .

Bertarikh 5 Mac 2020

Dated 5 March 2020  
[PTK. 3/5/434 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1226.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 2150 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 23 Disember 2010, Pihak Berkuasa Negeri, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun

Tanah Negara [Akta 56/1965] telah merizabkan tanah seluas 14.19 hektar, yang dikenali sebagai Lot 101892, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 128076 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Loji Air Semambu di Semambu.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dibatalkan;

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis akan cadangan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, untuk membatalkan keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan keseluruhan perizaban tanah tersebut akan didengar oleh Pentadbir Tanah Kuantan pada satu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan pada 14 Oktober 2020 pada jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 2150 published in the State Government of Pahang *Gazette* on 23 December 2010, the State Authority, in exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56/1965] has reserved the land comprising an area of 14.19 hectares, known as Lot 101892, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 128076 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Semambu Water Plant Semambu.

And whereas, the State Authority proposes that the whole of the aforesaid reservation be revoked;

Now therefore, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code, of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object such revocation will be heard by the Land Administrator of Kuantan at an enquiry to be held at the Kuantan District and Land Office on 14 October 2020 at 10.00 a.m.

Bertarikh 17 Mac 2020

Dated 17 March 2020  
[PTK. 3/3/27618 (2019)]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*



No. 1227.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Bilal Mat Resat bin Mat Ali, tuannya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun 1982.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah, Lipis segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruang akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

| Jenis dan No. Hakmilik | No. Lot | Hasil tahun ini | Hutang dari tahun-tahun yang lepas | Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil | Bayaran-bayaran terhutang | Jumlah kena dibayar |
|------------------------|---------|-----------------|------------------------------------|---|---------------------------|---------------------|
| (1)                    | (2)     | (3)<br>RM       | (4)<br>RM                          | (5)<br>RM                                 | (6)<br>RM                 | (7)<br>RM           |
| Geran Mukim            |         | 2019            | 1982-2018                          | Denda Lewat 1982-2019                     | Notis 6A                  |                     |
| 00002808               | 0002202 | 12.00           | 289.00                             | 175.00                                    | 10.00                     | 486.00              |
| Mukim Cheka            |         |                 |                                    |   |                           |                     |

Bertarikh 29 Oktober 2019  
[PTL.H. 375 Sj. 327]

*Pentadbir Tanah  
Lipis*

**No. 1228.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

PEMBETULAN

Jadual kepada pemberitahuan *Warta* No. 763 yang disiarkan pada 12 Mac 2020 adalah dipinda di bawah kolom Jenis dan No. Hakmilik dengan menggantikan perkataan “00000962” dengan perkataan “000009622”.

[TEMERLOH 2/8/1140 (1276)]

**No. 1229.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Endau. No. Lot—2336. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 00001140.  
Luas—41 meter persegi.

Bertarikh 13 Mac 2020  
[PT.Rom. 6/1201]

*Pentadbir Tanah*  
*Rompin*

**No. 1230.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Endau. No. Lot—2335. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 00001137.  
Luas—239 meter persegi.

Bertarikh 12 Mac 2020  
[PT.Rom. 6/1202]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

**No. 1231.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Beserah. No. Lot/P.T.—1880. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 3647.  
Luas—1144 meter persegi.

Bertarikh 12 Mac 2020  
[PTK. 5/3/440]

*Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 1232.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan–peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—3103. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2414. Luas—3297.95 meter persegi (35500 kaki persegi).

Bertarikh 20 Mei 2020  
[PTK. 5/3/1803]

*Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 1233.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan–peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—3650. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3027. Luas—923.6118 meter persegi (9942 kaki persegi).

Bertarikh 20 Mei 2020  
[PTK. 5/3/686]

*Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 1234.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan—peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—5864. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 6542. Luas—26.6623 meter persegi (287 kaki persegi).

Bertarikh 20 Mei 2020  
[PTK. 5/3/2506]

*Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 1235.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan–peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot/P.T.—1961/45. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 8249. Luas—1387.7402 meter persegi (14938 kaki persegi).

Bertarikh 20 Mei 2020  
[PTK. 5/3/200]

*Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 1236.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan–peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—15573. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 16272. Luas—1182 meter persegi.

Bertarikh 20 Mei 2020  
[PTK. 5/3/918]

*Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 1237.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kuala Lipis. No. P.T.—513. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 80. Luas—541.6999 meter persegi.

Bertarikh 4 Jun 2020  
[PTLH. 375 Sj. 25]

*Pentadbir Tanah  
Lipis*

**No. 1238.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Bandar—Kuala Lipis. No. P.T.—3468. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 2238. Luas—93 meter persegi.

Bertarikh 4 Jun 2020  
[PTLH. 375 Sj. 15]

*Pentadbir Tanah  
Lipis*

**No. 1239.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan—peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Tanjong Besar. No. Lot—2574. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 124. Luas—3.4246 hektar.

Bertarikh 18 Jun 2020  
[PTLH. 375 Sj. 397]

*Pentadbir Tanah  
Lipis*



**No. 1240.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to the provisions of section 100/129 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

